



## POLISI HOSPITAL MESRA IBADAH (HMI) HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU

**Edisi 1.0**

### 1.0 **PENGENALAN**

Islam adalah agama yang mampu menyelaraskan kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat. Dalam Islam, dunia merupakan tempat bagi seorang Muslim untuk menanam kebaikan di setiap aktiviti kehidupan, untuk kemudian mendapatkan balasan kebaikan di dunia dan akhirat. Proses menanam kebaikan ini menuntut sikap pasrah untuk menerima kehidupan sebagai tempat ujian.

Maka Islam meletakkan pengurusan kehidupan sebagai tunjang utama dalam setiap kehidupan Muslim. Manifestasi pekerjaan sebagai ibadah inilah yang akan melahirkan muslim professional dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dalam pelbagai sudut kehidupan.

Pelaksanaan konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) ialah hospital yang mengamalkan kecemerlangan perkhidmatan dan memfokuskan kepada kesejahteraan pelanggan serta petugas melalui penerangan, penghayatan dan pelaksanaan nilai-nilai Islam dengan menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang demi memastikan kemakmuran pelanggan tercapai.

Kesemua tanggungjawab adalah mengenai melakukan ibadah dan memenuhi keperluan Islam yang memerlukan perawat dan pesakit mestilah saling bantu membantu bersama-sama menjalankan ibadah dan menjauhi kemungkaran.

### 2.0 **VISI**

Mewujudkan persekitaran mesra ibadah di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru di kalangan pesakit dan petugas demi mencapai maqasid syariah.

### **3.0 MISI**

Mengintegrasikan elemen kerohanian dalam perawatan perubatan untuk membantu proses penyembuhan pesakit.

### **4.0 MATLAMAT**

Menghidupkan budaya Hospital Mesra Ibadah dalam kalangan petugas dan masyarakat terutama pesakit di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan mentauhidkan Allah SWT.

### **5.0 OBJEKTIF PENUBUHAN JAWATANKUASA HOSPITAL MESRA IBADAH (HMI), HOSPITAL SULTANAH AMINAH**

- a) Menambahkan pengetahuan anggota HSA dalam melaksanakan konsep HMI;
- b) Meningkatkan kefahaman dan penghayatan ibadah walau dalam apa jua keadaan;
- c) Memberi sokongan dan bantuan kerohanian kepada pesakit dan waris untuk mengerjakan ibadah; dan
- d) **Menjaga kesihatan spiritual orang Muslim, petugas, pesakit, kenalan dan sesiapa sahaja untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.**

### **6.0 KONSEP HOSPITAL MESRA IBADAH (HMI)**

Konsep HMI merangkumi pelbagai matlamat, yang asas merupakan satu pencapaian yang memberansangkan pada masa sekarang dan juga pada masa akan datang dan mendapat mardhatillah. Ianya tidak dihadkan hanya membimbing pesakit dalam mendirikan solat sahaja tetapi juga mewujudkan kemudahan untuk pesakit, waris dan petugas untuk melaksanakan ibadah.

Secara ringkasnya, perkara ini memudahkan kita untuk menjalankan tugas sebagai daie dan khalifah Allah SWT. Hospital Mesra Ibadah merupakan satu konsep yang digunakan dalam pengurusan hospital untuk mencapai nilai-nilai kecemerlangan dan jati diri pada warga kerja serta memfokuskan kepada kesejahteraan pelanggan melalui penerapan dan penghayatan ibadah semasa dan selepas menerima rawatan.

## **7.0 KEPERLUAN PELAKSANAAN HOSPITAL MESRA IBADAH (HMI) DI HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU**

Di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, HMI dilaksanakan berlandaskan keperluan seperti berikut :-

- a) Pesakit diasingkan mengikut jantina dan aurat pesakit dipelihara mengikut kadar darurat dalam menyampaikan khidmat perawatan. Hal ini bagi menjaga aib dan kerahsiaan pesakit ketika menerima rawatan di hospital;
- b) Interaksi antara perawat wanita dan lelaki mestilah mengikut batasan yang telah digariskan oleh Islam begitu juga antara perawat lelaki dan pesakit wanita kecuali dengan rukhsah tertentu;
- c) Pesakit memerlukan bimbingan kerohanian dalam keadaan tahap kesihatan dan emosi mereka yang terjejas;
- d) Pesakit bukan sahaja didedahkan dengan panduan beribadah dalam keadaan sakit tetapi juga diberi bimbingan untuk menghadapi kerunsingan atau ketika tenat; dan
- e) Pesakit yang dimasukkan ke hospital hendaklah diberikan orientasi kepada HMI dan makanan serta ubat-ubatan yang disediakan adalah seimbang, halalan dan toyibban.

## **8.0 STANDARD HOSPITAL MESRA IBADAH (HMI), HOSPITAL SULTANAH AMINAH**

Standard pelaksanaan konsep HMI mempunyai kriteria umum untuk penilaian tertentu bagi memastikan pengamalan konsep tersebut bertepatan serta menyeluruh. Standard yang diamalkan oleh Hospital Sultanah Aminah mengandungi kriteria-kriteria seperti berikut :

- a) Pemberian *privileging* kepada anggota Hospital sebagai pegawai pelaksana mesra ibadah (PPMI) dan *liaison officer* Program Hospital Mesra Ibadah (HMI);
- b) Mengadakan *Training of Trainers* (TOT) Pengurusan Solat / Ibadah Pesakit kepada pegawai / anggota / kakitangan secara berkala;
- c) Menyediakan pamphlet mengenai Panduan Ibadah Pesakit;
- d) Menyediakan kit ibadah solat di setiap Jabatan / Unit / Wad seperti botol spray, debu tayammum dan buku-buku panduan ibadah / risalah berunsur Islam;

- e) Penyediaan fasiliti beribadat seperti ruang solat, tanda arah kiblat, botol semburan, debu tayammum, Al-Quran, Al-Mathurat dan peringatan solat, panduan kehamilan (Antenatal) dan semasa proses kelahiran serta perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah wanita, informasi berkaitan ibadah pesakit seperti solat, puasa dan lain-lain berkaitan;
- f) Memberi bimbingan dan khidmat nasihat kerohanian serta bantuan praktikal kepada pesakit / keluarga pesakit / waris berkaitan tatacara mengambil wudhuk, tayammum dan solat dalam keadaan sakit;
- g) Memberi sokongan, bantuan dan bimbingan kerohanian kepada pesakit dan keluarga semasa di dalam wad, ketika nazak dan membantu memudahcara pengebumian;
- h) Membantu pesakit berpuasa semasa menerima rawatan di hospital;
- i) Bacaan doa pagi melalui interkom, doa sebelum pembedahan dan doa tukar syif di wad-wad;
- j) Pengumuman masuk waktu solat fardhu oleh petugas;
- k) Mengadakan aktiviti berkaitan pengurusan ibadah, ziarah pesakit / waris di wad, pengurusan jenazah, khidmat nasihat, aktiviti membudayakan Al-Quran pada bulan Ramadhan dan sambutan hari-hari kebesaran Islam; dan
- l) Setiap pesakit yang dimasukkan ke wad akan diberikan orientasi HMI (berkaitan halalan toyyiban).

## **9.0 KEPERLUAN DAN KEMUDAHAN HOSPITAL MESRA IBADAH (HMI), HOSPITAL SULTANAH AMINAH**

Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah (HMI), Hospital Sultanah Aminah menyediakan beberapa keperluan dan kemudahan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pesakit / keluarga pesakit / waris untuk melaksanakan solat / ibadah di wad-wad. Antaranya adalah seperti berikut :-

- a) Tanda Arah Kiblat
- b) Ruang Solat Dan Tempat Wuduk
- c) Solat *Reminder*
- d) Kit Solat
- e) Botol Spray
- f) Debu Tayammum
- g) Al-Quran / Surah Yaasin
- h) Pamflet Panduan Ibadah / Risalah Keagamaan

- i) Bahan Multimedia / Bahan Pendidikan Berkennaan Pengurusan Ibadah

## **10.0 JAWATANKUASA HOSPITAL MESRA IBADAH (HMI), HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU**

Jawatankuasa HMI, Hospital Sultanah Aminah telah ditubuhkan secara rasmi pada 23 Jun 2019. Keanggotaan Jawatankuasa HMI, Hospital Sultanah Aminah adalah seperti berikut :

<b>JAWATAN</b>
Penaung
Penasihat Klinikal
Pengerusi
Timbalan Pengerusi 1
Timbalan Pengerusi 2
Setiausaha
Timbalan Setiausaha 1
Timbalan Setiausaha 2
Bendahari
Biro Pendidikan & Latihan
Biro Penerbitan, IT & Promosi
Biro Audit Pemantauan & Pelaporan
Biro Kemudahan & Fasiliti
Biro Hubungan Luar Dan Tugas-Tugas Khas

## **11.0 KERJASAMA DENGAN AGENSI LUAR / NGO / ORANG PERSEORANGAN**

- i. Mengadakan hubungan kerjasama dengan agensi luar / NGO / orang perseorangan bagi menambah baik pelaksanaan program HMI di HSAJB dari masa ke semasa; dan
- ii. Mendapatkan konsultasi bersama Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

## **12.0 PERANCANGAN PEMBANGUNAN**

- i. Setiap perancangan pembangunan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru perlulah mengambil kira elemen-elemen dalam HMI.

## **13.0 KESIMPULAN**

Konsep Hospital Mesra Ibadah merupakan salah satu produk kepenggunaan melalui perkhidmatan kesihatan yang semakin mendapat tempat dalam hati setiap masyarakat samada Muslim atau sebaliknya.

Pembudayaan dan pelaksanaan konsep HMI memerlukan komitmen dan usaha pelbagai pihak dalam memastikan konsep ini terus dipercayai dalam Hospital ini. Amalan mulia yang terkandung dalam konsep HMI akan meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan untuk terus dipandang tinggi oleh pelanggan. Melalui keanggotaan HMI yang komited akan melahirkan satu organisasi yang mantap dalam melaksanakan konsep HMI di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

Pihak pengurusan dan pengamal perubatan juga merupakan asas terpenting dalam melakukan perubahan daripada konsep yang sedia ada kepada konsep HMI. Usaha-usaha yang perlu dilakukan melalui elemen ini hendaklah dimantapkan dengan aktiviti yang bersepadu dan sentiasa berkekalan kepada seluruh peringkat organisasi sehingga kepada pesakit. Faktor dalam menjayakan HMI perlu difokuskan kepada perubahan yang dilakukan ke atas setiap lapisan petugas. Perubahan ini hendaklah dilakukan secara menyeluruh dengan unsur-unsur keimanan, amalan, pemikiran dan kebersihan hati setiap pekerja yang mengamalkan konsep HMI. Natijahnya konsep HMI ini dapat diterjemahkan secara menyeluruh kepada keseluruhan petugas dan masyarakat.

*Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah  
Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru*